

BAHASA MELAYU DI IPTS

Antara Akta dan Fakta



Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia telah berkembang dengan pesatnya sejak pelaksanaan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Merujuk statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia (JPT) pada 31 Januari 2015, terdapat 41 buah IPTS bertaraf universiti, 28 buah bertaraf kolej universiti, lapan buah kampus cawangan universiti luar negara dan sebanyak 406 buah IPTS bertaraf kolej. Jumlah keseluruhan yang direkodkan adalah sebanyak 510 buah IPTS di seluruh negara. Jumlah yang besar ini membuktikan bahawa sektor pendidikan tinggi di Malaysia telah berkembang maju seiring dengan keperluan tenaga pakar negara. Malah, kewujudan IPTS telah membuka lebih banyak ruang dan peluang pendidikan tinggi kepada lepasan sekolah yang tidak berjaya mendapat tempat di universiti awam.

Perkembangan yang positif ini sudah tentu memberikan impak yang besar kepada negara. Hal ini dikatakan demikian kerana kemajuan sesebuah negara turut diukur dari aspek pembangunan modal insan yang berketrampilan dan berpengetahuan tinggi. Di samping itu, pembukaan kampus IPTS cawangan universiti luar negara turut memberikan manfaat kepada pelajar Malaysia, khususnya dari sudut penjimatan kos pengajian dan kos sara hidup yang sudah tentu lebih rendah jika dibandingkan di United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat. Dalam konteks perkembangan bahasa Melayu di IPTS, Akta 555 yang diguna pakai sejak 20 tahun yang lalu secara jelas mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Hal ini dapat dilihat

dalam Seksyen 41 (1) yang jelas menyatakan bahawa semua Institusi Pendidikan Tinggi Swasta hendaklah mengendalikan kursus pengajiannya dalam bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu.

Pada awal tahun pelaksanaan Akta 555, bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar untuk mata pelajaran Bahasa Kebangsaan A/B, Pengajian Malaysia, Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam. Pematuhan pelaksanaan akta ini dipantau sepenuhnya oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN), yang kini dikenali sebagai Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), melalui audit secara berkala di semua IPTS yang berdaftar. Selain itu, untuk memastikan sukatan yang digunakan seragam, pihak LAN turut mengeluarkan sukatan Mata Pelajaran Wajib (MPW) yang mesti diajarkan di semua IPTS. Walau bagaimanapun, pelaksanaan MPW di IPTS tidak menyeluruh kerana hanya diwajibkan kepada pelajar tempatan sahaja. Bagi pelajar antarabangsa yang menuntut di IPTS, mereka tidak diwajibkan mengambil kursus MPW pada ketika itu.

Pada 27 Jun 2013, JPT telah mengeluarkan surat pekeliling yang bertujuan menyelaraskan kursus MPW di IPTS. Kandungan pekeliling tersebut antaranya menyatakan bahawa penawaran dan pelaksanaan kursus pengajian umum, diselenggarakan kepada semua IPT dalam negara termasuk IPTS, IPTA dan Politeknik. Selain itu, kursus pengajian umum adalah wajib diambil oleh pelajar antarabangsa dan tempatan, serta perlu lulus sebagai syarat pengijazahan seperti yang termaktub dalam Seksyen 43 (3) Akta 555. Antara kursus yang

Penguasaan bahasa Melayu secara holistik bukan sahaja menjadi kayu ukur kepada kejayaan pelaksanaan program pengantarabangsaan bahasa Melayu di IPT, tetapi kesannya turut mendasar di atas tatanan kebudayaan bangsa.

ditawarkan ialah Bahasa Melayu Komunikasi 1, Bahasa Melayu Komunikasi 2, Bahasa Melayu Komunikasi 3, Pengajian Malaysia, Tamadun Islam dan Tamadun Asia dan Hubungan Etnik.

Selain itu, pekeliling di atas turut diperkukuh dengan surat penjelasan daripada JPT bertarikh 22 Julai 2013 yang bertajuk "Penjelasan Mengenai Pekeliling Penyelarasan Kursus Mata Pelajaran Wajib di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)". Dalam Jadual 3 surat tersebut, JPT secara jelas menyatakan bahawa bahasa pengantar untuk tujuh buah kursus pengajian umum di IPTS ialah bahasa Melayu kecuali bagi kursus Pengajian Malaysia 1, Pengajian Malaysia 2 dan Pengajian Malaysia 3 yang boleh dijalankan dalam dwibahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Bagi memastikan wujudnya keseragaman dalam penawaran kursus bahasa Melayu di IPTS dan IPTA, MQA telah menggariskan beberapa hasil pembelajaran yang perlu dicapai

serta mengeluarkan sukatan pelajaran yang dikhususkkan kepada pelajar antarabangsa.

Pada 30 Ogos 2013, JPT melalui MQA telah mengeluarkan sukatan terkini bagi semua mata pelajaran wajib universiti (MPU), termasuk kursus bahasa Melayu. Sukatan yang komprehensif ini turut menggariskan beberapa hasil pembelajaran kelompok bagi kursus bahasa Melayu yang perlu dikuasai oleh pelajar seperti berikut:

- Membolehkan pelajar berkomunikasi dalam bahasa Melayu asas yang meliputi situasi kehidupan harian pelajar bukan warganegara di Malaysia.
- Membolehkan pelajar berinteraksi menggunakan bahasa Melayu dan dapat membaca serta memahami ayat bahasa Melayu mudah.
- Membolehkan pelajar menulis karangan pendek berkaitan kehidupan seharian.

Melalui matlamat hasil pembelajaran di atas, terbukti aspek komunikasi bahasa Melayu dalam kalangan pelajar IPTS begitu dititikberatkan oleh pihak JPT. Penguasaan bahasa Melayu secara holistik bukan sahaja menjadi kayu ukur kepada kejayaan pelaksanaan program pengantarabangsaan bahasa Melayu di IPT, tetapi kesannya turut mendasar di atas tatanan kebudayaan bangsa, iaitu bahasa Melayu sebagai *lingua franca* atau bahasa antarabangsa di Asia Tenggara. Justeru, jika diperhatikan dari sudut pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan, kewujudan IPTS dilihat mampu untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di Malaysia.

Namun begitu, apa yang tersurat tidak semestinya



menggambarkan keadaan sebenar kedudukan bahasa Melayu di IPTS. Sejak dahulu hingga kini, keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu seringkali dipertikaikan dan diperlekehkan oleh masyarakat yang mengaku dirinya warganegara Malaysia. Perkara ini dapat kita lihat pada tahun 2001, apabila Persatuan Kolej-Kolej Swasta Malaysia (MAPCO) mengeluarkan kenyataan bahawa bahasa Melayu tidak penting untuk pelajar melanjutkan pengajian ke IPTS. Hal ini dikatakan demikian kerana kursus-kursus yang ditawarkan di IPTS lebih menjurus kepada program sains dan teknikal yang banyak menggunakan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Kenyataan MAPCO ini merupakan satu tamparan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara. Paling menyedihkan, perkara ini tidak pernah mengundang rasa

bersalah dalam kalangan rakyat Malaysia untuk mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Peminggiran bahasa Melayu di IPTS bertambah parah, apabila Akta 555 sendiri menghalalkan penggunaan bahasa Inggeris di IPTS, khususnya bagi IPTS yang mempunyai pelajar asing. Melalui akta ini juga, Menteri Pendidikan Malaysia diberikan kuasa untuk mengecualikan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di IPTS. Dengan kuasa tersebut, bahasa Inggeris semakin meningkat penggunaannya di IPTS, termasuk menjadi bahasa pengantar bagi kursus mata pelajaran wajib seperti Pengajian Malaysia, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Akhirnya bahasa yang diangkat sebagai bahasa kebangsaan dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia, hanya layak digunakan untuk mengajarkan kursus bahasa Melayu sahaja. Pada hari ini,

bahasa Inggeris bukan sahaja semakin mendapat tempat di IPTS, malah turut berkembang pesat di IPTA. Hal ini berlaku atas alasan bahawa bahasa Inggeris sahaja yang berupaya untuk menyampaikan ilmu dalam bidang sains dan teknikal.

Selain itu, bahasa Melayu di IPTS tidak pernah diujulkan dan ditonjolkan sebagai bahasa utama negara. Misalnya pada laman sesawang IPTS, bahasa Inggeris lebih diutamakan sebagai medium penyampaian maklumat. Paling menyedihkan, pautan dalam bahasa kebangsaan langsung tidak disediakan. Hal ini cukup berbeza daripada universiti dan kolej swasta di luar negara seperti di Jerman, Perancis, Belanda, Korea Selatan, Jepun dan China yang masih mengutamakan penggunaan bahasa kebangsaan pada laman sesawang universiti dan kolej mereka. Pautan dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain turut disediakan tetapi

bukan sebagai bahasa utama penyampaian maklumat. Malah, universiti-universiti swasta di luar negara turut menggunakan bahasa kebangsaan mereka dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah. Justeru, persepsi yang mengatakan penggunaan bahasa kebangsaan di IPTS tidak berupaya menjadi bahasa ilmu, hanyalah andaian semata-mata daripada individu yang masih terjajah jiwanya.

Usaha memartabatkan bahasa Melayu di IPTS sebagai bahasa ilmu bukanlah bermakna bahasa Melayu cuba mengambil fungsi bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa, tetapi lebih menjurus kepada semangat berbilang. Hal ini dikatakan demikian kerana sebagai warganegara Malaysia, kewajipan untuk mendaulatkan bahasa Melayu bukan hanya terletak di bahu Dewan Bahasa dan Pustaka mahupun pihak kerajaan, tetapi menjadi amanah yang perlu digalas oleh semua rakyat Malaysia. Pemartabatan yang dimaksudkan adalah dengan memperkukuh kursus-kursus dalam bahasa Melayu yang sedia ada, di samping mengutamakan

penggunaan bahasa Melayu yang tepat dalam semua urusan harian di IPTS. Justeru, IPTS yang dimiliki oleh warganegara Malaysia, tidak mengira kaum Melayu, Cina, India dan Bumiputera, seharusnya lebih nasionalis dalam memartabatkan bahasa Melayu. Jika bukan kita di sini yang memulakannya, apakah mungkin IPTS luar negara yang bertapak sementara di Malaysia akan melakukannya.

Dari sudut yang lebih luas, peranan kerajaan dalam mendaulatkan bahasa Melayu amat dituntut di IPTS. Akta IPTS 1996 (Akta 555) yang sedia ada perlu dikaji semula, agar status bahasa Melayu yang terdapat dalam akta tersebut lebih kukuh dan bukan hanya sekadar retorik politik semata-mata. Akta tersebut seharusnya selari dengan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) yang secara jelas menyatakan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara. Seandainya kerajaan mahu menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dunia, ini tidak bermakna bahasa Melayu harus dikorbankan dan digantikan

dengan bahasa Inggeris. Hal ini dikatakan demikian kerana jika kita melihat sistem pendidikan di Jepun, penggunaan bahasa Jepun lebih diutamakan berbanding bahasa-bahasa lain. Malah, pelajar Malaysia yang ingin melanjutkan pengajian di Jepun, perlu terlebih dahulu mengambil kursus persediaan bahasa Jepun selama 1 tahun 8 bulan dan wajib lulus *Examination for Japanese University* sebelum berangkat ke Jepun. Di Malaysia, hal ini tidak pernah berlaku dan pelajar asing yang datang ke Malaysia hanya mengenali bahasa Melayu ketika mereka berada di sini.

Pada hari ini, jalur perkembangan bahasa Melayu di IPTS semakin tirus dan mengecil. Jika keadaan ini dibiarkan berlanjutan, bahasa Melayu akan hilang fungsi sebagai bahasa ilmu di Malaysia. Harus kita sedari bahawa ketahanan sesuatu bahasa banyak bergantung pada ilmu dan pemikiran yang didukungnya. Jika bahasa Melayu hanya berfungsi sebagai bahasa komunikasi biasa dan tidak diberi ruang untuk menjalankan fungsinya sebagai bahasa wahana pelbagai ilmu, kita risau bahasa Melayu akan mati di bumi Malaysia. Dalam mengangkat martabat bahasa Melayu yang kian terpinggir di IPTS, kekuatan politik amat diperlukan. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam situasi kritikal sekarang, hanya kuasa politik sahaja yang dapat mengubah masa depan bahasa Melayu di IPTS. Tanpa kekuatan tersebut, bahasa Melayu tidak akan berupaya menjalankan fungsinya sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. DB

Pada hari ini, jalur perkembangan bahasa Melayu di IPTS semakin tirus dan mengecil. Jika keadaan ini dibiarkan berlanjutan, bahasa Melayu akan hilang fungsi sebagai bahasa ilmu di Malaysia. Harus kita sedari bahawa ketahanan sesuatu bahasa banyak bergantung pada ilmu dan pemikiran yang didukungnya.